



FENOMENA EKSTREMISME (*AL-GHULUW*) DALAM AMALAN AGAMA DAN LANGKAH-LANGKAH PEMULIHANNYA

Oleh: Prof. Dr. Md Amin Abdul Rahman al-Jarumi

Abstrak

Rencana ini membicarakan tentang ekstremisme yang dikaitkan dengan amalan agama dimana pelakunya beranggapan ianya adalah suatu kerja keras, pengorbanan atau ketaatan dan tindakan mendekati diri kepada Allah SWT, sedangkan ianya adalah sesuatu yang memburukkan agama dan ahli-ahlinya, tidak mengindahkan ajaran dan syariatnya. Inilah apa yang dikatakan pegangan ekstrem yang membawa kepada memutarbelitkan keadaan, merubah erti dan hakikat sesuatu, menimbulkan kecurigaan dan penipuan. Kertas ini juga akan mengesyorkan langkah-langkah pemulihan terhadap gejala ekstremisme ini.

Pendahuluan

Fenomena ekstremisme atau aliran pemikiran melampau atau kecuaiian (*al-taqsir*) yang melampau dalam amalan agama adalah suatu fenomena yang wujud sejak zaman dahulu kala lagi di kalangan umat-umat Nabi Allah Musa dan 'Isa a.s.. Kewujudannya disebabkan oleh beberapa faktor antaranya kejahilan, ketaksuban yang melampau dan runtunan hawa nafsu. Dewasa ini, di kalangan umat Muhammad SAW fenomena ekstremisme ini juga berlaku sama ada dalam kepercayaan atau amalan agama.

Definisi Ekstrem dan Ekstremisme

Sifat ekstrem diistilahkan dalam *al-Qur'an* dan *al-Sunnah* sebagai '*al-ghuluw*' yang bererti melampau batas terhadap sesuatu perkara yang disyariatkan dengan cara menokok tambah (*al-ifrat*) atau mengurangkan (*al-tafrit*). Apabila sifat ekstrem ini menjadi suatu pegangan atau aliran pemikiran dan diikuti dengan amalan, maka ia diistilahkan sebagai ekstremisme. Namun, perlu ditekankan di sini, tidak termasuk dalam istilah ekstrem atau '*al-ghuluw*' menuntut kesempurnaan (*al-kamal*) dalam ibadat, jika tidak melampaui batas, malah ianya adalah sesuatu yang dipuji (*mahmud*). Jika dilihat dari perspektif yang lain, aliran ekstremisme ini juga boleh berubah menjadi radikal dan ganas jika dikaitkan dengan politik dan 'perjuangan' sesuatu kumpulan militan untuk menguasai sesuatu daerah atau sesebuah negara.

Gambaran Ekstrem Atau *al-Ghuluw* Di dalam *al-Qur'an*

Kadangkala '*al-ghuluw*' berlaku dalam bentuk melampaui batas dalam melakukan sesuatu dan kadangkala melampaui batas dalam meninggalkan sesuatu. Ini berdasarkan firman Allah SWT:

قَالَ تَعَالَى: ﴿قُلْ يَا هَلْ أَكْتَبِ لَا تَغْلُوا فِي دِينِكُمْ غَيْرَ الْحَقِّ وَلَا تَتَّبِعُوا أَهْوَاءَ قَوْمٍ قَدْ ضَلُّوا مِنْ قَبْلُ وَأَضَلُّوا كَثِيرًا وَضَلُّوا عَنْ سَوَاءِ السَّبِيلِ﴾¹

Maksudnya:

“Katakanlah, “Wahai Ahl al-Kitab! Janganlah kamu melampaui-lampau dalam agama kamu secara yang tidak benar, dan janganlah kamu menurut hawa nafsu suatu kaum yang telah sesat sebelum ini dan telah menyesatkan banyak manusia, dan juga (sekarang) mereka telah tersesat (jauh) dari jalan yang betul.”

Ungkapan “*Janganlah kamu melampaui-lampau dalam agama*” bermakna jangan memuji-muji berlebih-lebihan sesiapa yang disuruh membesarkannya yang akhirnya mengangkat martabatnya dari ‘kenabian’ kepada ‘ketuhanan’ sepertimana yang dilakukan oleh *Ahl al-Kitab* terhadap al-Masih sehingga mereka menjadikannya sebagai anak tuhan.

Orang-orang Nasrani juga melampaui dalam menyanjung pendeta-pendeta dari kalangan mereka (termasuk paderi-paderi) dan mendakwa bahawa mereka berada di atas landasan agamanya dan paderi-paderi ini pula mendakwa mereka itu ‘*ma’sum*’ (terpelihara dari melakukan kesalahan). Mereka beriltizam dengan setiap perkara yang didatangkan kepada mereka oleh paderi-paderi itu, tidak kira sama ada ianya benar ataupun batil. Itulah apa yang diberitahu oleh Allah SWT melalui firmanNya:

قَالَ تَعَالَى: ﴿اتَّخَذُوا أَحْبَارَهُمْ وَرُهَبَانَهُمْ أَرْبَابًا مِنْ دُونِ اللَّهِ وَالْمَسِيحَ ابْنَ مَرْيَمَ وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا إِلَهًا وَاحِدًا لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ سُبْحَانَهُ عَمَّا يُشْرِكُونَ﴾²

Maksudnya:

“Mereka menjadikan pendeta-pendeta dan ahli-ahli agama mereka sebagai pendidik-pendidik (menerima didikan, asuhan-asuhan atau hukum-hukum yang hanya berdasarkan pendapat-pendapat pendeta-pendeta dan ahli-ahli ibadat mereka yang tidak berasal dari agama) selain dari Allah, dan juga mereka mempertuhankan al-Masih ibn Maryam, pada hal mereka tidak diperintahkan

¹ Al-Qur’an, surah al-Ma’idah : 77

² Al-Qur’an, surah al-Tawbah : 31.

melainkan untuk menyembah Tuhan Yang Maha Esa; tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia. Maha Suci Allah dari apa yang mereka sekutukan.’’

Sementara itu orang-orang Yahudi pula, melampau dalam menghina al-Masih dengan mengeji kedudukannya dengan menyatakan al-Masih bukan anak dari seorang yang baik dan menuduh ibunya (Maryam) dengan sesuatu yang telah disucikannya oleh Allah SWT.

Akibat sikap melampau orang-orang Nasrani yang pada mulanya sekadar menunjukkan kasih sayang terhadap para *anbiya'* Allah SWT, yang dalam gambaran hanyalah sekadar suatu ketaatan telah bertukar menjadi syirik dan kufur. Firman Allah SWT:

قَالَ تَعَالَى: ﴿يَتَّهَلَّ الْكُتُبِ لَا تَعْلَمُوا فِي دِينِكُمْ وَلَا تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ إِلَّا الْحَقَّ إِنَّمَا الْمَسِيحُ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ رَسُولُ اللَّهِ وَكَلِمَتُهُ أَلْقَاهَا إِلَى مَرْيَمَ وَرُوحٌ مِّنْهُ فَآمَنُوا بِاللَّهِ وَرُسُلِهِ وَلَا تَقُولُوا ثَلَاثَةٌ قَدْ أَنْتَهُوا خَيْرًا لَّكُمْ إِنَّمَا اللَّهُ إِلَهُ وَاحِدٌ سُبْحَانَهُ أَنْ يَكُونَ لَهُ وَلَدٌ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَكَفَى بِاللَّهِ وَكِيلًا ﴿١٧١﴾

Maksudnya:

“Wahai Ahl al-Kitab (Yahudi dan Nasrani)! Janganlah kamu melampau batas dalam perkara agama kamu, dan janganlah kamu mengatakan sesuatu terhadap Allah melainkan yang benar; sesungguhnya al-Masih ibn Maryam itu hanyalah seorang Pesuruh Allah.”

Melampau batas dalam meninggalkan sesuatu juga dinamakan dengan *al-ghuluw* kerana ianya merupakan perbuatan melampau dalam kecuiaan (*al-taqsir*), sama ada apa yang ditinggalkan itu dari amalan anggota, sepertimana seseorang yang mendekati diri kepada Allah SWT dengan meninggalkan apa yang disyariatkan daripada ibadat dan apa yang diharuskan dari benda-benda yang baik, sebagai melaksanakan ‘*zuhud*’ yang merosakkan. Dalam hal ini Allah SWT telah memberi amaran dengan firmanNya:

¹ *Al-Qur’an*, surah al-Nisa : 171

قَالَ تَعَالَى: ﴿يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تُحَرِّمُوا طَيِّبَاتِ مَا أَحَلَّ اللَّهُ لَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ

الْمُعْتَدِينَ

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu haramkan benda-benda yang baik-baik yang telah dihalalkan oleh Allah bagi kamu, dan janganlah kamu melampaui batas (pada apa yang telah ditetapkan halalnya itu) kerana Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas.”

Antara *al-ghuluw* bentuk ini ialah apa yang dilakukan oleh segolongan orang yang hanya ingin beribadat kepada Allah SWT semata-mata setelah bertanya tentang ibadat Rasulullah SAW. Salah seorang dari mereka mengatakan, *“Dia tidak akan mengahwini wanita.”* Rasulullah SAW menyanggah ‘zuhudnya’ itu dengan sabdanya:

“فمن رغب عن سنتي فليس مني”

Maksudnya:

“Sesiapa yang meninggalkan sunnahku (berkahwin), maka dia bukan dari golonganku (Islam).”

Ekstrem atau *al-ghuluw* dengan meninggalkan juga berlaku dalam *i'tiqad* dan amal hati. Ini banyak terdapat dalam bentuk melampaui batas golongan atheis (*ilhad*), rasionalis (*aqlaniyyah*) dan sekularis (*ilmaniyyah*). Mereka memandang rendah kepada *i'tiqad* ahli iman dan mengingkari sesuatu yang diketahui secara pasti dari ajaran agama Islam.

Gambaran Ekstrem Atau *al-Ghuluw* Dalam Sunnah Rasulullah SAW

Selain dari ayat-ayat al-Qur'an di atas yang menegah dari berlaku ekstrem, terdapat *hadith-hadith* Rasulullah SAW yang menegah dari sikap ekstrem ini. Misalnya, sabda-sabda Baginda SAW:

“يا أيها الناس إياكم والغلو في الدين، فإنما أهلك من كان قبلكم الغلو في الدين”

¹ *Al-Qur'an*, surah *al-Ma'idah* : 87.

² *Sahih al-Bukhari*, Kitab: al-Nikah, Bab: al-Tarhib fi al-Nikah, hadith: 5063

³ *Sunan Ibn Majah*, Kitab: al-Manasik, Bab: Qadr Hasa al-Ramy, hadith: 3029

Maksudnya:

“Wahai manusia jauhkanlah dari berlebih-lebihan (al-ghuluw) dalam agama, kerana telah musnah orang yang dahulu dari kamu disebabkan mereka ‘al-ghuluw’ dalam agama.”

Sabdanya lagi:

“اقْرَأُوا الْقُرْآنَ وَلَا تَعْلُوا فِيهِ، وَلَا تَجْفُوا عَنْهُ، وَلَا تَأْكُلُوا بِهِ وَلَا تَسْتَكْثِرُوا بِهِ”

Maksudnya:

“Bacalah al-Qur’an dan janganlah kamu melampau batasnya, jangan kamu meninggalkannya (tidak membaca langsung), jangan kamu memakan (hasil darinya) dan janganlah kamu menghimpun kekayaan dengannya.”

Sikap ekstrem/al-ghuluw terhadap al-Qur’an berlaku dengan menta’wilnya (memberi tafsiran) dengan sesuatu yang salah, berhujah secara salah dengan tujuan untuk ‘mencari makan’ dan menambah kekayaan dengannya atau untuk memenangkan sesuatu yang dipercayai atau mazhab tertentu, atau menyokong bagi golongan tertentu atau pandangan tertentu bercanggah dengan *manhaj* (metodologi) *ulama’* dalam pendalilan.

Begitu juga Rasulullah SAW menegah para sahabat dari berlebih-lebihan dalam memuji-muji dengan sabdanya kepada mereka:

“تَكَلَّمُوا بِمَا يَحْضُرُكُمْ، وَلَا تَتَكَلَّفُوا، كَأَنْكُمْ وَكَلَاءُ لِلشَّيْطَانِ تَنْطِقُونَ عَلَى لِسَانِهِ”

Maksudnya:

“Berbicaralah dengan apa yang kamu dapati, jangan memberatkan diri kamu, seolah-olah kamu adalah wakil-wakil bagi syaitan yang bercakap di atas lisannya.”

Sabda Rasulullah SAW lagi:

¹ *Musnad Ahmad Ibn Hanbal*, Kitab: al-Tafsir, Bab: Iqrau al-Qur’an wa La Taghlu Fih, hadith: 11683

² *Sunan Abu Dawud*, Bab: Karahiyyat al-Tamaduh, hadith: 4806.

"هلك المتنطعون (قالها ثلاثا)"¹

Maksudnya:

"Musnahlah orang-orang yang melampaui batas [sebanyak tiga kali]."

Al-Mutanatti'un ialah orang-orang yang melampaui batas dalam memberat-berat amalan agama.

Sabda Rasulullah SAW:

"لا تشددوا على أنفسكم فيشدد عليكم ، فإن قوما شددوا على أنفسهم فشدد الله عليهم"²

Maksudnya:

"Jangan kamu memberat-beratkan ke atas diri kamu, nescaya akan diberatkan ke atas kamu, maka sesungguhnya suatu kaum telah memberatkan ke atas diri mereka, maka Allah telah memberatkan diri mereka."

Rasulullah SAW biasa ditanya:

أي الأديان أحب إلى الله؟ قال: "الحنيفية السمحة"³

Maksudnya:

"Manakah agama yang lebih disukai bagi Allah?" Sabda Rasulullah, *"Yang bercirikan mirip kepada hak dari kebatilan (hanifism) dan mudah (samhah)."*

Sesiapa yang memberat-beratkan dan melampaui batas dalam urusan agama, akan menyebabkan orang lari dan menjauhkan diri darinya. Mereka itu samalah kedudukannya dengan orang yang menyekat dari jalan Allah SWT (*fi Sabilillah*) dan inginkan ianya digelencungkan (dari jalan yang lurus).

¹ *Sahih Muslim*, Kitab: al-'Ilm, Bab: Halaka al-Mutanatti'un, hadith: 2670

² *Sunan Abu Dawud*, Bab: al-Hasad, hadith: 4904.

³ *Sahih al-Bukhari*, Kitab: al-Iman, Bab: al-Din Yusr, hadith:29.

Oleh itu, ekstrem/*al-ghuluw* dengan dua bentuknya, samada memberatkan dalam melakukan atau meninggalkan sesuatu, akibatnya orang yang melakukannya adalah sepertimana yang diberitahu oleh Allah SWT melalui firmanNya:

قَالَ تَعَالَى: ﴿قُلْ هَلْ نُنَبِّئُكُمْ بِالْأَخْسَرِينَ أَعْمَالًا ﴿١٠٣﴾ الَّذِينَ ضَلَّ سَعِيَّهُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَهُمْ يَحْسَبُونَ أَنَّهُمْ يُحْسِنُونَ صُنْعًا ﴿١٠٤﴾﴾

Maksudnya:

“Katakanlah (wahai Muhammad), “Mahukah, kami khabarkan kepada kamu akan orang-orang yang rugi serugi-ruginya amal-amal perbuatannya? (Iaitu) orang-orang yang telah sia-sia amal usahanya dalam kehidupan dunia ini, sedangkan mereka menyangka bahawa mereka sentiasa betul dan baik pada apa sahaja yang mereka lakukan.”

Antara Bentuk-bentuk Ekstrem/*al-Ghuluw* Pada Masakini

1. Berlebih-lebihan Dalam Meninggalkan (*al-Tafrif*) Dan Menolak Bebanan-bebanan *Shara'* (*al-Takalif al-Shar'iyah*)

Satu dari bentuk ekstrem/*al-ghuluw* ialah berlebih-lebihan dalam meninggalkan sesuatu bebanan *shara'* dengan mengambil mudah terhadapnya atau melampaui batas dalam meninggalkan suruhan-suruhan dan mengatakan kepada Allah SWT sesuatu tanpa hak. *al-Ghuluw* dengan meninggalkan sesuatu ini berlaku dalam bentuk penyelewengan dalam beri'tiqad dan beramal. Ianya dilakukan pada ghalibnya atas nama kemodenan (*al-'asriyyah*), kebebasan (*al-hurriyyah*) dan rasionaliti (*al-'aqlaniyyah*). Golongan yang terlibat akan hanya berpegang kepada al-Qur'an sahaja dalam menjalankan bebanan *shara'* dan mendakwa 'Segala sesuatu telah dinyatakan di dalamnya'. Justeru, mereka tidak memerlukan kepada yang lainnya dengan menolak Sunnah Kata-kata (*Sunnah Qawliyyah*) atau Sunnah Perbuatan (*Sunnah Fi'liyyah*). Begitu juga dengan ilmu fiqah yang diistinbatkan dari al-Qur'an dan al-Sunnah yang dikira sebagai sesuatu yang amat besar peranannya.

Pada hakikatnya, aliran yang dibawa ini adalah suatu langkah membohongi al-Qur'an, walaupun mereka mendakwa menyanjung al-

¹ *Al-Qur'an*, surah *al-Kahf*: 103-104.

Qur'an. Ini memandangkan sesiapa yang menolak al-Sunnah, sesungguhnya dia menolak al-Qur'an. Firman Allah SWT:

قَالَ تَعَالَى: ﴿ مَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَى رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَى فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ٧ ﴾

Maksudnya:

“Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah SAW kepada kamu, maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangnya kamu melakukannya, maka patuhilah larangannya.”

Ayat ini tidak mengeluarkan darinya sesuatu yang sabit secara *sahih* dari Nabi SAW, sesiapa yang menolaknya bermakna dia menolak al-Qur'an. Inilah apa yang difahamkan oleh *sahabi* 'Abdullah ibn Mas'ud apabila dia dihujahkan oleh seorang wanita yang mengatakan tiada larangan dilaknat wanita yang mencabut bulu keningnya (*al-namisah*) atau menyuruh orang mencabut bulu keningnya (*al-mutanammisah*). Kata 'Abdullah, "Jika kamu rujuk kedua-dua perkara itu di dalam Sunnah nescaya kamu akan ketemuinya."

Ikutan dari penolakan *Sunnah Qawliyyah* (kata-kata) dan *Sunnah Fi'liyyah* (perbuatan) ini, maka didapati ramai yang menolak bebanan-bebanan *shar'i* (*takalif shar'iyyah*) yang umumnya diketahui dari agama. Namun, bagi golongan ini mereka menyatakan tidak perlu mendirikan solat dengan hujah yang salah seperti kata-kata mereka, "Penentu ke atasnya ialah hati, jika baiknya hati, jika ianya lurus dan niatnya baik, maka tidak perlu didirikan solat."

Sebagai jawapannya, tidak syak lagi jika hatinya baik, maka baiklah amalan kerana di dalam jasad terdapat seketul daging, jika ianya baik, maka baiklah seluruh jasad, jika ianya rosak, maka rosaklah seluruh jasad. Bersabda Nabi SAW: "Sesungguhnya ia adalah hati."²

¹ *Al-Qur'an*, surah *al-Hashr* :7.

² *Sahih al-Bukhari*, Kitab: al-Iman, Bab Fadl Man Istabra'a li Dinih, hadith: 52.

Golongan ini juga mendakwa kadangkala memperakui bebanan-bebanan *shar'i*, namun mereka menyelewengkannya. Mereka tidak menerima dengan cara dan waktu-waktunya yang ditetapkan. Sebaliknya, mereka mencipta waktu dan cara tersendiri. Misalnya, bagi solat-solat tiada masa tertentu, puasa tidak diberhentikan setelah matahari terbenam. Berbuka hanya boleh dilakukan setelah masuknya waktu *Isha'*.

2. *Ghuluw Ahl al-Takfir*

Golongan ini bertindak atas dasar kekerasan iaitu dengan mengkafirkan kadangkala orang Islam keseluruhannya dan menghalalkan darah serta harta benda mereka. Tidak harus berlaku perkahwinan antara mereka dengan orang-orang yang dikafirkan dan tidak harus memakan sembelihan mereka dan tidak boleh menghadirkan diri dalam solat berjama'ah bersama mereka. Mereka melihat diri mereka sahajalah yang muslimin, sedangkan orang lain semuanya musyrikin.

Ini merupakan *al-Ghuluw* kerana Ibn 'Umar menyatakan bahawa beliau mendengar Rasulullah SAW ada bersabda:

"أيا امرئ قال لأخيه يا كافر فقد باء بها أحدهما ، إن كان كما قال وإلا رجعت عليه"¹

Maksudnya:

"Sesiapa yang mengatakan kepada saudaranya: "Wahai kafir, sesungguhnya sifat kafir itu terkena ke atas salah seorang dari kedua-dua mereka, jika ianya sepertimana yang dikatakan, jika tidak ia akan kembali ke atasnya (orang yang mengatakannya)."

Sebenarnya, aliran *Ahl al-Takfir* adalah sama dengan pegangan *al-Khawarij*, walaupun namanya berbeza.

Terdapat pula golongan *takfir* ini yang menyatakan umat telah melakukan *bid'ah* dan mereka perlu diketepikan. Mereka mengkafirkan kerajaan-kerajaan yang mengamalkan undang-undang ciptaan manusia (konvensional), bahkan harus diperangi, harus dibunuh hatta orang awam

¹ *Sahih Muslim*, Kitab: al-Iman, Bab: Bayan Hal Iman Man Qala li Akhih al-Muslim Ya Kafir!, hadith 60.

yang tidak berdosa. Ini apa yang sedang dilakukan oleh golongan DAISH di Syria, Iraq dan beberapa negara Arab yang lain. Yang peliknya golongan ini menisbahkan diri mereka kepada Islam, negara Islam pimpinan Islam dan sebagainya, sedangkan apa yang diamalkan tidak sedikit pun mencerminkan ajaran Islam. Golongan ini juga mengharuskan harta benda orang-orang kafir. Mereka mengatakan mencuri dan merampas harta *kuffar* adalah harus.

Semua tindakan jahat mereka ini, kononnya dengan nama Islam, sedangkan Rasulullah SAW menegah dari dibunuh walaupun golongan *munafiqin* yang Baginda mengetahui tentang kenifaqan mereka. Ini dilakukan kerana kepentingan dakwah Islamiah. Sabda Rasulullah SAW:

"لا يتحدث الناس أن محمدا يقتل أصحابه"

Maksudnya:

"Tiada orang yang mengatakan bahawa Muhammad membunuh para sahabatnya."

3. Berpaut Kepada Kitab-kitab *Hadith* Sahaja Tanpa Fiqah Dalam Mengeluarkan Fatwa Atau Hukum

Terdapat ramai dari golongan yang mengeluarkan fatwa berdasarkan *hadith-hadith* tanpa fiqah. Merekalah yang mendepani majlis-majlis ilmu dan mengeluarkan hukum-hakam. Dalam pada itu, mereka tidak mengetahui secara mendalam tentang *hadith* hatta nama kitab-kitab *hadith* yang masyhor, apatahlagi untuk membacanya. Mereka juga tidak membaca kitab-kitab fiqah. Sebagai bekalannya mereka hanya membaca beberapa kitab *hadith* seperti kitab '*al-Targhib wa al-Tarhib*', '*Riyad al-Solihin*', '*Subul al-Salam*' atau '*Nayl al-Awtar*'. Mereka tidak memahaminya dengan betul, mereka mengeneipkan kitab-kitab fiqah bermazhab, mereka tidak terikat dengannya sesuatu, mereka memandang rendah sesiapa yang bercakap dengannya atau memberi fatwa darinya. Jika mereka mendengar sesiapa yang merujuk kepadanya dalam sesuatu fatwa mereka akan menggelengkan kepala kehairanan, mereka hanya mengambil dari *hadith* dari kitab-kitabnya sahaja.

4. Taksub Kepada Golongan Atau Mazhab Tertentu

¹ *Sahih al-Bukhari*, Bab: Firman Allah SWT, "سواء عليهم إستغفرت لهم", *hadith* : 4905.

Dikira sebagai *al-ghuluw* dalam ilmu ialah taksub dengan sesuatu pandangan dan menyalahkan pandangan-pandangan yang lain dan menganggapnya sebagai pandangan yang sesat dan salah. Bahkan kadangkala sanggup mengkafirkan orang lain.

Golongan ini mengkafirkan orang lain secara salah, mereka menyalahkan imam-imam mazhab, bahkan mereka tidak pernah mendengar apa yang dinamakan '*Ummahat al-Kutub*' (*Ibu Segala Kitab-kitab*), hatta tidak pandai menyebut nama-namanya, apatah lagi membaca dan memahaminya. Namun, akan didapati seseorang dari mereka melemahkan *hadith* dan mengukuhkannya dan berkata: "*Mazhab Maliki dhaif. Shafie telah tersalah dalam perkara ini. Ini adalah hadith mursal. Ini adalah riwayat yang shazzah (ganjil).*" Sebenarnya mereka adalah *muqallidin* (pengikut pandangan mana-mana mazhab), jauh dari *mujtahidin*. Dalam masa yang sama mereka tidak redha dengan *taqlid* dan mengkeji ahlinya. Suatu kedudukan yang jelas ialah bahawa mana-mana orang alim tidak akan terselamat dari tersalah, yang *ma'sum* hanyalah Rasulullah SAW sahaja. Jika seseorang mengatakan kepada anda, "*Seorang alim tidak pernah tersalah.*", maka dia membohongi anda dan jangan diambil peduli tentang apa yang didakwanya itu.

Jika ahli ilmu menyokong satu pandangan dari pandangan-pandangan *ulama'*, dia akan mempertahankannya jika ianya betul dan dia pula memiliki keupayaan untuk membetulkan, maka dia akan mengambil pandangan tersebut. Itu adalah sesuatu yang terpuji. Ini disebabkan, setiap insan diarah mengambil dalam agamanya apa yang betul, jika dia memiliki kuasa memilih dengan neraca undang-undang dan peraturan yang diletakkan oleh *ulama'*. Namun, dia tidak seharusnya memburuk-burukkan sesiapa yang bercanggah pandangan dengan pendapatnya dalam masalah-masalah *ijtihad*iyah.

Ulama'-ulama' salaf golongan ini membincangkan tentang ilmu dan bercanggah pendapat dalam *ijtihad*, walaupun mereka berselisih pendapat, namun mereka menyanjung pandangan orang yang bercanggah dengan mereka. Misalnya, Imam al-Shafie menyatakan tentang kitab *Muwatta'* Imam Malik:

*"Tidak aku pernah melihat kitab yang disusun mengenai ilmu lebih tepat dari Muwatta' Malik."*¹

¹ Ibn 'Umar Yusuf ibn Abdillah, *al-Istizkar*, 2000, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, cet. 1, juzu' 1, hlm. 23.

Sesuatu kata-kata yang masyhur di kalangan imam-imam mazhab mengenai masalah *ijtihad*iyah:

*“Pandanganku itu betul, namun berkemungkinan salah dan pandangan orang lain itu salah, berkemungkinan betul.”*¹

Imam Shafi’i menyatakan:

*“Aku mengharapkan manusia mempelajari ilmu ini dan tidak dinisbahkan kepadaku sesuatu darinya, aku tidak suka dengan itu dan jangan sama sekali memujiku.”*²

Khalifah al-Mansur meminta dari Imam Malik untuk membuatkan orang ramai di seluruh negara Islam terikat dengan apa yang ditulis dalam kitab *al-Muwatta’* dan meninggalkan semua pandangan lain yang bercanggah dengannya, maka dia menentangnya. Imam Malik menyatakan:

*“Wahai Amir al-Mukminin!, Jangan kamu lakukan (begitu) kerana orang ramai telah didahului kepada mereka dengan kata-kata (pendapat-pendapat), dan mereka telah mendengar hadith-hadith dan meriwayatkan riwayat-riwayat, dan setiap kaum telah mengambi dengan apa yang didahulukan kepada mereka, mereka telah beramal dengannya dan mereka telah mendekati dengannya terhadap perselisihan pendapat orang ramai akan sahabat-sahabat Rasulullah SAW dan yang lainnya, untuk menolak apa yang telah mereka percaya dengannya adalah sesuatu yang berat (sukar), maka biarkanlah orang ramai dengan apa yang ada pada mereka dan apa yang dipilih oleh sesebuah negeri bagi diri mereka.”*³

Inilah gambaran tentang roh *tawadu’* dan insaf yang semestinya terdapat bagi setiap *faqih* dan ‘*alim* yang inginkan kebaikan bagi dirinya dan memanfaatkan orang lain dengan ilmunya.

5. Mengingkari Perkara-perkara Yang Diperselisihkan (*al-Mukhtalaf Fiha*)

¹ Al-Jarjani, *al-Ta’rifat*, 1992, Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi, hlm. 59.

² Muhammad Abu Zahrah, *al-Shafi’i wa ‘Asruh*, t.t., al-Qaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabi, hlm. 34.

³ Al-Qurtubi, *Jami’ Bayan al-‘Ilm wa Fadlih*, 2006, Beirut; Dar Ibn Hazm, hlm. 152.

Sesiapa yang terselamat dari melampaui batas dan taksub mengetahui bahawa masalah-masalah yang diperselisihkan yang melalui proses *instinbat* kepada kaedah-kaedah *ijtihad* dan syarat-syaratnya tidak menganggap perselisihan pendapat sebagai suatu kemungkaran yang perlu ditentang dan dicaci orang yang berpegang dengannya.

Sufyan al-Thawri menyatakan:

*“Kalau kamu melihat seorang lelaki beramal dengan amalan yang diperselisihkan padanya, sedangkan kamu berpandangan lain darinya, maka jangan kamu menegahnya.”*¹

Contohnya, sebahagian dari *ulama'* berpendapat membaca *al-Fatihah* hukumnya wajib dalam solat jenazah, maka seseorang itu boleh beramal khusus untuk dirinya sahaja dan tidak boleh membantah ke atas sesiapa yang tidak membacanya dan memadai dengan berdoa sahaja, atau dia membatalkan solatnya kerana persoalan itu berada dalam perkara yang diijtihadkan.

Contoh lain, jika seseorang itu berpegang dengan pendapat yang menegah dari solat sunat semasa khutbah Juma'at dibaca, maka dia tidak boleh menafikan sesiapa yang menyatakan *Solat Tahiyat al-Masjid* dikecualikan daripadanya, kerana baginya juga ada dalilnya dalam Sunnah.²

Sebahagian dari masalah-masalah *khilafiyah* yang ditaksub oleh sesiapa yang ingin bertaksub dengannya dan melihat jika menyalahinya adalah suatu kemungkaran. Sedangkan hakikatnya, mungkin ia merupakan persoalan *khilafiyah* (yang diperselisihkan) pada perkara-perkara harus (*mubah*) yang hukumnya harus dilakukan atau ditinggalkan bagi memberi kelonggaran kepada manusia melakukan dua perkara tanpa diberi kelebihan pada salah satu darinya, seperti perbezaan dalam lafaz-lafaz *azan* dan *'iqamah*, menguatkan sebutan *'amin*' di belakang imam atau tidak, menggerakkan jari telunjuk semasa *tashahhud* atau tidak, solat sunat dua raka'at selepas Juma'at dan selepas Maghrib di masjid atau selepas pulang ke rumah.

Al-Hafiz Abu 'Umar ibn Abdul al-Bar menyatakan:

¹ Al-Khatib al-Baghdadi, *al-Faqih wa al-Mutafaqqih*, al-Qaherah: Dar Ibn al-Jawzy, juzu' 2, hlm. 136.

² al-Qarafi, *al-Furuq*, t.t., Beirut: 'Alam al-Kutub, juzu' 4, hlm. 257.

“Perbezaan pendapat dalam tasyahhud, azan, ‘iqamah, bilangan takbir dalam solat jenazah, apa yang dibaca dan didoakan di dalamnya, bilangan takbir dalam solat dua hari raya dan dalam perkara-perkara lain yang seumpama dengannya, adalah perbezaan pendapat dalam perkara harus (mubah) sepertimana wudu’ sekali, dua kali atau tiga kali basuh. Semua apa yang disebut telah dipindahkan keseluruhannya dari golongan al-khalaf kepada al-salaf dan dipindahkan pula oleh golongan tabi’in dari orang-orang yang terdahulu (al-sabiqun), suatu proses pemindahan tanpa kesilapan atau terlupa, kerana ia merupakan perkara-perkara yang zahir (lumrah) yang diamalkan di negara-negara Islam sejak zaman berzaman, tiada perbezaan pendapat ulama’ dan orang awam sejak dari zaman Nabi SAW hingga ke hari ini, maka ini menunjukkan bahawa ianya adalah harus kesemuanya sebagai suatu keharusan yang luas dan sebagai rahmat.”¹

Apa yang boleh disimpulkan setiap kali seseorang itu mendalami agamanya dan mempelajari ilmu dengan habuan yang memadai, maka berkuranglah perbuatan-nya menyalahkan orang lain dan menolak mereka. Setiap kali kurang ilmunya, maka banyaklah perbuatannya menyalahkan orang lain dan merendah-rendahkan mereka. Jika semua orang Islam walaupun berbeza mazhab dan pembawaan mereka berpegang kepada kaedah *‘Tidak Ditolak Dalam Perkara Yang Diperselisihkan’* dan mengaplikasikannya sebagai suatu metodologi ilmiah dalam hidupnya, maka akan sempitlah ruang perbezaan pendapat dan akan bersatulah kalimah, maka keadaan yang berlaku sekarang boleh dihapuskan.

Langkah-langkah Pemulihan Amalan Ekstrem/al-Ghuluw

Pemulihan hendaklah dilakukan dengan memulihkan jiwa dan akal. Pemulihan jiwa dan akal adalah melalui *‘Tafaqquh fi al-Din’* iaitu mempelajari ilmu agama secara mendalam dan merujuk kepada hak dan kebenaran bila berlaku perselisihan.

Tafaqquh fi al-Din adalah himpunan segala kebaikan. *Tafaqquf fi al-Din* bukanlah dengan banyaknya periwayatan, tetapi ia adalah cahaya yang disirami

¹ Ibn ‘Umar Yusuf ibn Abdillah, *al-Istizkar*, juzu’ 2, hlm. 208.

oleh Allah SWT dalam jiwa manusia sepertimana di sebut oleh Imam Malik r.a.. Cahaya itu ialah kefahaman yang menjelaskan erti dan makna sesuatu, maka diberi kefahaman kepada orang yang menanggungnya. *Tafaqquh* bukan bermakna hanya membaca dua tiga buah kitab Sunnah dan *Athar*, tetapi ianya adalah kefahaman dengan merujuk kepada '*Ummahat al-Kutub*' (Ibu Segala Kitab-kitab), setelah bertalaqqi dari para *ulama*', mengikut jejak langkah, adab mereka serta mengambil iktibar dengan cara hidup mereka yang baik dengan niat yang menunjuk-nunjuk berbicara dengannya dalam majlis-majlis, untuk menyanggah pandangan para *ulama*', atau memperbodohkan orang yang bodoh.

Untuk menjayakan *Tafaqquh fi al-Din* ini maka hendaklah muslimin:

1. Mengambil Berat Dengan Mempelajari Ilmu Fiqah Dan Cabang-cabangnya:

Ramai orang 'berzuhud' tidak ingin mempelajari ilmu fiqah, sehingga ramai dari ahli-ahli profesional dan orang awam yang tidak tahu bagaimana memperelokkan wudu'nya, begitu juga mandi *junub* dan tidak mengetahui makna '*sunnah ratibah*'. Mereka mengatakan perkara-perkara itu adalah perkara yang telah pun diketahui oleh semua orang, hatta kanak-kanak kecil dan ia bukannya ilmu bagi orang dewasa dan tua.

Sesetengah orang mendakwa tidak perlu kita mengetahui yang mana halal dan yang mana haram, tetapi yang lebih penting ialah dakwah yang mengarahkan kepada kebaikan. Mereka mendakwa masyarakat Islam memerlukan kepada pendakwah yang memperbetulkan tatacara hidup dan mendatangkan penyelesaian kepada isu-isu harian untuk membawa mereka kemercu ilmu dan kemajuan. Ini seolah-olah fiqah dijadikan seteru atau anti pembangunan.

Kepentingan fiqah terserlah pada zaman Rasulullah SAW. Justeru, perkara pertama yang diajar oleh Nabi SAW kepada orang ramai ialah rukun Islam, masalah *taharah*, mandi dan solat, bahkan Nabi SAW begitu perihatin dengan adab-adab beristinja' dan memasuki bilik air. Baginda menyatakan kepada seorang yang berwudu' yang meninggalkan kilat di atas kakinya (tidak dilalukan air), agar berwudu' semula dan memperelokkan wudu'nya. Baginda berkata orang yang bersolat yang cacat syarat dan rukunnya dengan katanya, "*Pulang dan solat semula, bahawasanya kamu tidak bersolat.*" Kemudian Baginda menerangkan rukun-rukun dan syarat-syarat solat kepada orang tersebut.

Sesungguhnya amat sedikit *fuqaha'* yang berkeahlian untuk membuat fatwa, mengistibatkan hukum dan mengaplikasikannya ke atas orang ramai dengan berani, walaupun terdapat ramai *ulama'* yang menulis dan bercakap tentang topik agama yang bersifat panduan agama. Sikap berzuhud dalam pengajaran fiqah yang khusus semakin ketara. Ini telah digambarkan oleh Rasulullah SAW dalam hadithnya:

"إن الله لا ينزع العلم بعد أن أعطاكموه انتزاعاً، ولكن ينتزعه منهم مع قبض العلماء بعلمهم، فيبقى ناس جهال يستفتون فيفتون برأيهم فيضلون ويضلون"¹

Maksudnya:

"Bahawasanya Allah tidak mencabut ilmu setelah diberikan kepada kamu dengan satu cabutan, tetapi dicabutnya ilmu dari kamu dengan dicabut nyawa para ulama' berserta ilmu mereka, maka yang tinggal hanyalah manusia-manusia jahil, maka merekalah yang dipinta memberi fatwa. Mereka memberi fatwa dengan pemikiran mereka, maka mereka sesat dan menyesatkan (orang lain)."

2. Berguru (Al-Talaqqi) Dalam Menuntut Ilmu

Tidak sempurna *Tafaqquh fi al-Din* melainkan secara berguru (*al-talaqqi*). Ini disebabkan membaca kepada guru (*mu'allim*) akan dapat memperbetulkan kesalahan apa yang ditulis dan pelajar akan mengambil kesimpulan dari ilmunya. Kitab-kitab mungkin bercampur aduk di dalamnya masalah-masalah. Di sebut di dalamnya pandangan yang *marjuh* (tidak diberi keutamaan) dan *matruk* (yang ditinggalkan), maka gurulah memperbetulkan dan membezakan di antara yang *sahih* dengan yang batil. Ilmu yang didapati dari gurulah ilmu yang suci dan terpelihara dari perosak-perosak dan sebagai penyedar terhadap sesuatu yang dhaif dari pandangan-pandangan dan masalah-masalah yang ganjil.

Belajar dari guru adalah cara yang diajar oleh Allah SWT dan RasulNya. Ini dapat dilihat apabila Allah SWT menurunkan al-Qur'an, maka tidak diturunkan secara langsung kepada Nabi Muhammad SAW dalam *mushaf* yang sedia tersusun, sebaliknya disampaikan melalui Jibril a.s. ayat demi

¹ *Sahih al-Bukhari*, Bab: Man Yuzkaru min Zamm al-Raky wa Takallufi al-Qiyas, hadith: 7.

ayat. Jibril a.s. yang mengajar Muhammad SAW ayat-ayat al-Qur'an dan seterusnya Muhammad SAW pula menyampai dan mengajarkannya kepada para sahabat. Para sahabat mendengar darinya, membuat kesaksian ke atasnya dan menyusunkan. Mereka akan bertanya kepada Muhammad SAW sesuatu yang dimusykilkan, memohon penjelasan sesuatu yang ringkas, mereka cuba memahami makna kalam-kalamnya, maksud dan tujuannya. Itu telah menjadi suatu *manhaj* (metodologi) kepada generasi terkemudian. Maka para *tabi'in* beriltizam dengan para sahabat sama seperti apa yang diiltizamkan oleh sahabat dengan Rasul SAW. Maka kekallah cara ini sebagai suatu warisan turun termurun.

Para *ulama'* telah memberi amaran agar orang ramai tidak mencari ilmu secara sendiri tanpa berguru (*talaqqi*). Mereka berkata:

“*Jangan kamu ambil ilmu dari kitab tanpa berguru dan mengambil al-Qur'an dari mushaf (tanpa pengajar).*”¹

Mengambil ilmu hanya dari kitab-kitab tanpa berguru dan begitu juga membaca al-Qur'an hanya dari *mushaf* sahaja, tanpa guru yang mengajarnya memungkinkan berlakunya ketergelinciran dan kesalahan.

3. Mempastikan Dari Siapa Ilmu Diambil

Memandangkan ilmu yang dipelajari itu adalah ilmu agama, maka hendaklah orang yang mengambil ilmu itu prihatin dari siapa dia mengambilnya. Jika penyusun kitab, atau orang alim yang mengeluarkan fatwa itu lemah agamanya yang terdiri dari *ulama' su'*, tidak takutkan Allah SWT, tidak berhati-hati dalam melakukan yang haram dan tidak terikat dengan batas-batas yang ditentukan Allah SWT, memberi fatwa untuk mendapatkan habuan untuk menjaga kedudukan atau kehebatannya, maka tidak harus seseorang itu mengikutnya dan mengambil fatwanya.

Urutan dari itu, jika terdapat golongan *ulama'* yang tidak takut kepada Allah SWT dan dia tidak beramal dengan ilmunya, maka dia dinamakannya sebagai 'tukang' dari golongan 'tukang-tukang', seperti tukang besi, tukang jahit, tukang karut dan tidak dinamakan seorang '*alim*' agar kita tidak meletakkan penyifatan yang mulia kepada bukan ahlinya.²

¹ Abu Ahmad Hasan ibn Abdullah ibn Sa'id ibn Ismail al-'Askari, *Tashifat al-Muhaddithin*, 1402H., al-Matba'ah al-'Arabiyyah al-Hadithah, juzu' 1, hlm. 7.

² Ibn al-Haj al-Maliki, *al-Madkhal*, t.t., Al-Qaherah: Dar al-Turath, juzu' 1, hlm. 17.

4. Mengambil Pakai Dengan Pandangan Yang Lebih Kewaspadaan Bila Berlaku Perselisihan Pendapat Di kalangan *Ulama'*:

Apabila berlaku perselisihan pendapat dalam sesuatu masalah, dan bagi setiap pendapat itu ada dalilnya, maka lebih utama bagi seseorang yang sedang mempelajari ilmu berpegang untuk dirinya sesuatu yang lebih kewaspadaannya, jika dia tidak berupaya untuk mentarjihkan di antara dalil-dalil tersebut. Misalnya, al-Layth ibn Sa'ad menyatakan:

*"Jika datangnya perbezaan pendapat, maka kami mengambil mana yang lebih kewaspadaannya."*¹

Mengambil kewaspadaan boleh dilakukan dalam dua bentuk:

a. Meraikan Perbezaan Pendapat

Ini boleh dilakukan dengan cara mengambil pendapat yang beramal dengannya menjadi *sahih* bagi seluruh *ulama'*, bukan hanya *sahih* bagi sebahagian dari mereka sahaja dan batal di sisi yang lain. Misalnya, membaca '*Basmalah*' dalam solat sebelum membaca *al-Fatihah*. Sebahagian *ulama'* menyatakan ianya wajib, tidak sah solat tanpanya. Sebahagian yang lain pula menyatakan ianya makruh dan setiap pendapat itu ada dalilnya. Namun begitu, bagi golongan yang mengatakan ianya makruh, tidak berpandangan bahawa solat terbatal dengan membacanya. Bagi yang menyatakan ianya wajib, maka terbatal solat jika tidak dibaca. Maka dikala itu eloklah ianya dibaca untuk keluar dari perselisihan pendapat di samping menjadikan solat itu sah secara persepakatan. Begitu jugalah dengan membaca *al-Fatihah* dalam solat jenazah, maka membacanya adalah lebih utama untuk keluar dari *khilaf*, kerana sebahagian *ulama'* yang lain mengatakan cukup hanya sekadar berdoa sahaja.²

Meraikan perbezaan pendapat boleh dilakukan kadangkala dengan mendahulukan tegahan dari keharusan. Maka orang yang mempelajari ilmu akan mengambil untuk dirinya dengan sesuatu yang lebih kewaspadaannya dan mengambil kira sesuatu itu sebagai

¹ Al-Qurtubi, *Jami' Bayan al-'Ilm wa Fadlih*, 1994 al-Riyad Dar Ibn Jawzy juzu'2, hlm. 906.

² Abu al-'Abbas al-Wanshiri al-Jaza'iri al-Maliki, *al-Mi'yar al-Mu'arrab wa al-Jami'al-Mughrab 'an Fatawa Ahl Ifriqiyah wa al-Andalus wa al-Maghrib*, t.t., al-Rabat: Wizarat al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah al-Maghribiyah, juzu' 6, hlm. 379.

yang ditegah selama mana ianya terdapat perselisihan terhadap tegahnya. Imam Malik r.a. telah menyentuh tentang beberapa orang *hukama'* (orang yang bijaksana) yang menyatakan:

“Jika bagi kami dua jiwa, maka kami akan mengambil mana yang lebih mudah. Ini bermakna, kami mendahulukan salah satu darinya (dua jiwa), jika sesuatu perkara berada dalam keadaan sedemikian, jika tidak kami akan rujuk pada hati kami yang kedua, kami akan meminta bantuan darinya, sedangkan (hakikatnya) jiwa yang kami ada hanya satu, maka menjadi kemestian kami akan mengambil sesuatu yang lebih kewaspadaannya.”¹

b. Mengambil Pakai Dengan Pendapat Kebanyakan Para Ulama'

Kadangkala hendaklah diambil pendapat yang berkewaspadaan dengan mengambil apa yang disepakati oleh kumpulan *ulama'* muslimin dan *jumhur* mereka, dengan tidak mengambil pandangan peribadi dari kalangan mereka, atau kumpulan yang kecil selama mana orang yang mengambilnya tidak berkeahlian dalam mentarjihkan terhadap dalil-dalil. Ini disebabkan, kemungkinan tersalah pandangan perorangan atau kumpulan kecil. Justeru, *hadith* Nabi SAW menekankan hendaklah sentiasa mendampingi *jama'ah* dan syaitan lebih berkudrat untuk menyesatkan ke atas orang perorangan dari berdua.

Jika seseorang itu mengambil pendapat sesuatu yang ditergelicir oleh setiap orang alim (*zillat al-ulama'*), maka akan berhimpunlah semua kejahatan. Contohnya, jika terdapat di kalangan *ulama'* yang menyatakan bahawa alat-alat musik itu adalah haram hukumnya (dan mereka merupakan golongan minorti setelah dibuat kajian), sedangkan *jumhur ulama'* menyatakan ianya haram hukumnya berdasarkan kepada *hadith-hadith* yang *sahih*, maka bagi seseorang yang ingin menyelamatkan dirinya, maka dia hendaklah mengikut pendapat *jumhur ulama'* dan tidak harus baginya mengambil pendapat yang *shadh* (terpencil) yang tidak diketahui ber-

¹ Abu al-Walid Muhammad ibn Ahmad ibn al-Rushd al-Jad, *al-Bayan wa al-Tahsil*, 1988, Beirut: Dar al-Gharb al-Islami, juzu' 18, hlm. 475.

kemungkinan kumpulan *ulama'* ini telah meninggalkan pendapat mereka atau masih berpegang kepadanya sehingga mereka mati. Berkemungkinan *mujtahid* itu telah merubah ijtihadnya dihujung hayatnya dan pendapat barunya itu tidak diwar-warkan.

5. Menjauhkan Dari Masalah-masalah Yang Ganjil (*Al-Shadhdhah*):

Para *ulama'* memberi amaran agar kita tidak terikat dengan isu-isu yang ganjil dalam menuntut ilmu dan memberi amaran agar kita tidak meriwayatkannya kepada orang lain sekadar untuk menyatakan keganjilannya. Itu adalah suatu perbuatan yang dikeji, kerana manfa'atnya sedikit sedangkan mudaratnya banyak, berdasarkan kepada kepada kaedah fiqah, '*Daf'al-Darar Muqaddamun 'ala Jalb al-Masalih.*' Ini disebabkan perkara ganjil (*shadh*) mungkin urutan riwayat orang yang mengatakannya terputus, atau disebabkan lemah dalilnya dan justeru para *ulama'* meninggalkannya. Maka orang yang beramal dengannya kemungkinan berada di jurang api neraka.

Oleh yang demikian, *ulama'* telah mewasiatkan kepada penuntut ilmu agar mendapat ilmu yang baik dan yang biasa (bukan luar biasa atau ganjil). Mereka mengeji orang yang bercakap tentang segala sesuatu apa yang diketahuinya. Ini disebabkan sebahagian dari ilmu adalah boleh dipelajari dan tidak diriwayatkan-nya kepada semua orang. Masalah-masalah yang dilontarkan ke atas orang ramai adalah sekadar yang mereka mampu menerimanya berdasarkan keupayaan *rohaniyyah* dan '*aqliyyah* mereka sehingga mereka tidak menyangka buruk terhadap memahami apa yang didengar. Ali k.w. menyatakan:

*"Bercakaplah dengan manusia apa yang mereka fahami, apakah kamu suka membohongi Allah dan RasulNya?"*¹

Imam Malik pula menyatakan:

"Aku ada menyimpan hadith-hadith, jika sekiranya dipukul kepalaku dengan cemeti sekalipun aku tidak akan mengeluarkannya."

dan katanya lagi:

¹*Sahih al-Bukhari*, Kitab: al-'Ilm, Bab: من خص بالعلم قوما دون قوما كراهية ألا يفهم, hadith: 49.

“Jika aku bercakap dengan manusia dengan segala sesuatu yang aku dengar, maka dikala itu akulah orang yang bodoh.”¹

6. Merujuk Kepada Hak Dan Kebenaran Bila Berlaku Perselisihan:

Antara perkara yang membesarkan kudrat seseorang ‘alim di sisi Tuhannya dan tinggi kedudukannya di sisi manusia ialah apabila dia menghiaskan dirinya dengan sifat insaf, mengikut sesuatu yang hak apabila berlaku perselisihan pendapat dan merujuk kepadanya apabila tersilap. Di antara doa Rasulullah SAW yang dibaca selalu di awal solat malamnya:

اللهم رب جبريل وميكائيل وإسرافيل فاطر السموات والأرض عالم الغيب والشهادة أنت تحكم بين عبادك فيما كانوا فيه يختلفون أهدني لما اختلف فيه من الحق يا ذنك إنك تهدي من تشاء إلى صراطٍ مستقيم²

Maksudnya:

“Wahai Allah, Tuhan Jibril, Mika’il dan Israfil Yang Mentadbir langit-langit dan bumi, Yang Maha Mengetahui yang ghaib dan yang zahir (dapat dilihat), Engkaulah yang menghukum di antara hamba-hambaMu pada perkara-perkara yang mereka perselisihkan, berilah hidayat padaku dengan apa yang diperselisihkan padanya dari hak dengan izinMu, Engkaulah yang memberi hidayat kepada jalan yang lurus.”

Di antara kelebihan merujuk kepada hak ialah ianya merupakan jalan yang mudah untuk menghimpun segala pendapat-pendapat, memulangkan orang yang melampau kepada jalan yang lurus. Itu adalah petanda ikhlas beramal kerana Allah SWT dan hari akhirat. Ia juga sebagai bukti ke atas jiwa yang tidak inginkan hanya kemenangan tidak kira sama ada berpaksikan kepada hak atau batil. Sesiapa yang memulangkan sesuatu kepada hak terhadap sesuatu perkara yang jelas baginya, maka besarlah kedudukannya di sisi Allah SWT dan juga di sisi manusia kerana dia menjadi *qudwah hasanah* kepada orang lain. Tindakan ini selari dengan

¹ al-Qadi ‘Iyad al-Maliki, *Tartib al-Madarik wa al-Taqrīb al-Masalik*, Morocco: Matba’ah al-Fudhalah al-Muhammadiyah, 1965, juzu’1, hlm. 189.

² *Jami’ al-Tirmidhi*, Kitab al-Da’awat, Bab:Ma Jaa fi al-Du’a Inda Iftitah al-Salat bi al-Lail, hadith 3420.

apa yang disebut oleh ‘Umar ibn al-Khattab dalam watakannya kepada Abu Musa al-Ash’ari semasa dia dilantik sebagai hakim di Basrah:

“Merujuk kepada hak (kebenaran), adalah lebih baik dari berterusan dalam kebatilan.”¹

Namun begitu, merujuk kepada hak bukanlah suatu perkara yang mudah ke atas jiwa manusia, memandangkan terdapat kekangan cintakan kedudukan dan kebesaran dan tidak redha dengan pengakuan bersalah. Justeru, di antara perkara yang *nadir* bagi manusia ialah keinsafan, tidak terdaya dilakukan melainkan oleh golongan yang didatangkan kepadanya minda yang jelas, agama yang sempurna, diberi kepadanya kesejahteraan jiwa, sukakan kebaikan dan menasihati hamba-hamba Allah SWT.

Maka setiap muslim jika ketara jelas akan hak di dalam dirinya, maka semua amalannya kerana Allah SWT dan tiada ruang kepadanya melainkan mematuhi dan pulang kepadanya (hak). Dia dapat menegahnya dari sebarang habuan dirinya dan tidak terasa malu kepada manusia kerana meninggalkan keadaan lumayan dengan merujuk kepada hak dan kebenaran. Ini disebabkan, malunya akan hilang dengan dia merujuk kepada hak, dan diganti dengan kemuliaan hak.

Penutup

Aliran ekstremisme dan amalannya dalam konteks individu kesannya tidaklah seburuk dan merbahaya sepertimana jika ianya merupakan pegangan dan amalannya sesuatu kelompok atau kaum tertentu. Apatah lagi jika ianya menjadi suatu fenomena yang lumrah dalam masyarakat Islam. Apa yang ketara, ianya boleh membawa kepada perselisihan pendapat dan mungkin kepada bermusuhan sesama muslimin. Ini disebabkan, pada kebiasaannya perselisihan pendapat membawa kepada perosakan dan bukannya rahmat sepertimana yang disabdakan oleh Rasulullah SAW.

Justeru, secara umumnya dalam menangani fenomena ekstremisme ini pemulihannya boleh diambil melalui pendekatan dakwah, walaupun terdapat pendekatan-pendekatan lain yang lebih agresif seperti pendekatan undang-undang. Menurut pendekatan dakwah, maka hendaklah dimulakan dengan seruan melalui hikmah kebijaksanaan (*al-da’wah bi al-hikmah*), diikuti dengan penyedaran yang baik (*al-maw’izah al-hasanah*) dan akhir sekali jika pihak

¹ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *I’lam al-Muwaqqi’in fi Rabb al-‘Alamin*, t.t., al-Qaherah: Dar al-Hadith, juzu’ 1, hlm. 86.

yang melampaui batas itu terdiri dari golongan tegar, maka hendaklah perbincangan atau perdebatan dibuat dengan mereka dengan cara yang terbaik (*al-mujadalah billati hiya ahsan*). Di samping itu, hendaklah terdapat gerakan mempopularkan gaya hidup Islam sebenar yang berteraskan konsep '*al-wasatiyyah*' sebagai langkah preventif sebelum ketara ekstremisme berperanan lebih merbahaya dalam memporak-perandakan kehidupan muslimin. Jika ini berlaku, maka dikala itu bolehlah pendekatan kawalan undang-undang diambil, misalnya penguatkuasaan POTA (Prevention of Terrorisme Act 2015).

Wallahua'alam.